

10 MAR 1998

Anwar-Ekuiti

ANWAR MINTA USAHAWAN BUMIPUTERA LEBIH PRAKTIKAL

SEPANG, 10 Mac (Bernama) -- Usahawan Bumiputera harus bersikap praktikal dan menerima penyertaan syarikat bukan Bumiputera dalam syarikat-syarikat milik Bumiputera jika mereka tidak lagi mempunyai keupayaan, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

"Apa yang perlu dilakukan adalah kita harus melihat perkara ini secara realistik dan membuat beberapa pengubahsuaian," kata Anwar yang juga Menteri Kewangan.

Beliau mengulas sikap sesetengah usahawan Bumiputera yang dilaporkan menolak perubahan dasar kerajaan membenarkan bukan Bumiputera membeli pegangan dalam syarikat milik Bumiputera.

"Jika Bumiputera mempunyai keupayaan, mereka mestilah digalakkan (memiliki pegangan dalam syarikat), jika mereka tidak berkemampuan, maka mereka haruslah menerima penyertaan bukan Bumiputera," katanya.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kabinet mengenai Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di sini, Anwar berkata usahawan Bumiputera harus bersikap lebih praktikal dalam mendesak mempertahankan dasar sebelum ini ketika keadaan ekonomi kini memaksa beberapa perubahan dan pengubahsuaian dilakukan.

Pada 24 Feb, Penasihat Ekonomi Kerajaan Tun Daim Zainuddin berkata usahawan bukan Bumiputera mungkin dibenarkan membeli pegangan dalam syarikat milik Bumiputera.

Ketika mengesahkan keputusan itu keesokannya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan terpaksa membenarkan pemilikan seumpama itu bagi membantu menyelamatkan syarikat Bumiputera yang terjejas berikutan kegawatan ekonomi.

"Kita perlu melihat secara realistik dalam mempertahankan dasar sebelum ini ketika keadaan ekonomi memaksa kita menerima beberapa perubahan dan pengubahsuaian," kata Anwar.

Bagaimanapun katanya beliau tidak mengetahui tentang sebarang permohonan rasmi daripada syarikat Bumiputera yang memohon bagi urusan seumpama itu.

"Kami tidak mengenalpasti mereka (syarikat Bumiputera yang memerlukan bantuan). Jika mereka mempunyai masalah, mereka harus mengemukakan permohonan dan kita akan membuat pengubahsuaian," katanya.

Anwar turut mengulangi komitmen kukuh kerajaan untuk mengekalkan dasar-dasar seperti pembasmian kemiskinan dan agenda sosial bagi Bumiputera.. -- BERNAMA

AH MAM RON